

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KUALITI HUBUNGAN IBU BAPA DAN ANAK REMAJA PEREMPUAN  
SALAH LAKU DI KUALA LUMPUR**

Oleh

**JULIANA ROSMIDAH BINTI JAAFAR**

**Disember 2005**

**Pengerusi : Maznah binti Baba, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka kualiti hubungan ibu bapa-anak bagi kumpulan remaja perempuan Salah Laku (SL) di Kuala Lumpur. Khususnya, kajian ini membandingkan persepsi remaja perempuan SL mengenai hubungan ibu-anak dan bapa-anak berdasarkan tiga angkubah hubungan, iaitu: 1) perapatan; 2) pengawasan; dan 3) komunikasi. Setiap angkubah dikaji secara berasingan untuk ibu-anak dan bapa-anak. Kajian ini turut menentukan perkaitan antara faktor latar belakang terpiih (bilangan adik-beradik, tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan bulanan keluarga) dengan skor salah laku remaja. Pembolehubah bebas yang menjadi peramal unik kepada salah laku remaja perempuan turut dikenalpasti. Tujuh hipotesis nul telah diuji.

Responden terdiri daripada 94 orang pelajar remaja perempuan SL Tingkatan Satu dari lima buah sekolah menengah di daerah Keramat, Kuala Lumpur. Sampel SL dipilih berdasarkan rekod disiplin sekolah dan rujukan daripada

kaunselor. Angkubah perapatan ibu-anak dan bapa-anak telah diukur dengan instrumen *Inventory of Parent and Peer Attachment* (Armsden & Greenberg, 1987). Pengawasan ibu-anak dan bapa-anak pula diukur dengan menggunakan instrumen *Strictness / Supervision* oleh Dutra dan Chance (1997) yang telah diubahsuai. Komunikasi ibu-anak dan bapa-anak pula diukur dengan menggunakan satu instrumen yang dibina berdasarkan gabungan item dari *Self-Report Instrument* (Beavers, Hampson & Hulgus, 1985) dan *Parent-Child Relationship Survey* (Fine, Moreland & Schwedel, 1983). Angkubah skor salah laku remaja diukur dengan instrumen yang dibentuk oleh Rozumah, Abdullah Al-Hadi, Rumaya, Asnarulkhadi, Amna, Mansor dan Tan (2003).

Analisis deskriptif menunjukkan remaja SL mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Tahap pencapaian akademik ibu bapa remaja SL juga sederhana. Hanya 4.3% yang berjaya mendapat pendidikan formal hingga ke peringkat universiti. Majoriti bapa (97.9%) dan separuh daripada jumlah ibu remaja adalah bekerja. Kebanyakan (38.3%) daripada keluarga remaja SL mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM2000 manakala hanya 7.4% mempunyai pendapatan bersamaan atau kurang dari RM500.

Skor tahap salah laku remaja SL adalah rendah tetapi membimbangkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja perempuan SL terlibat dengan pelbagai kegiatan salah laku di dalam dan di luar kawasan sekolah seperti merokok, membawa senjata ke sekolah, mabuk di tempat awam, terlibat dengan kegiatan lucah serta gangsterisme.

Hasil kajian menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan bagi tiga angkubah dalam hubungan ibu-anak dan bapa-anak, khususnya: (i) perapatan ibu-anak ( $\text{min}=75.55$ ) dan bapa-anak ( $\text{min}=73.08$ ),  $t=2.62$ ,  $p \leq 0.01$ ; (ii) pengawasan ibu-anak ( $\text{min}=35.37$ ), dan bapa-anak ( $\text{min}=33.38$ ),  $t=4.88$ ,  $p \leq 0.001$  dan (iii) komunikasi ibu-anak ( $\text{min}=29.98$ ) dan bapa-anak ( $\text{min}=27.37$ ),  $t=4.69$ ,  $p \leq 0.001$ . Remaja perempuan SL mempersepsikan kualiti hubungan ibu-anak lebih baik berbanding bapa-anak dari aspek perasaan hormat, rasa percaya, kesediaan berkongsi masalah, pengawasan terhadap aktiviti di dalam atau di luar rumah, keyakinan untuk berkomunikasi bagi menyelesaikan masalah serta keterbukaan dalam berkomunikasi. Kajian juga mendapati bahawa hanya pendapatan bulanan keluarga sahaja yang mempunyai korelasi signifikan yang negatif dengan skor salah laku remaja SL,  $r=-.36$ ,  $p \leq 0.05$ , manakala hanya aspek komunikasi ibu-anak sahaja yang merupakan peramal unik kepada salah laku remaja perempuan bagi kumpulan ini,  $R^2 = .166$ ,  $F = 2.87$ ,  $\beta = -.48$ ,  $p \leq 0.05$ . Angkubah komunikasi ibu-anak menyumbang sebanyak 16.6% kepada salah laku di kalangan remaja perempuan.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga angkubah ini sangat berpengaruh untuk mencegah remaja perempuan daripada terlibat dengan kegiatan salah laku. Oleh itu, program pencegahan salah laku di kalangan remaja perempuan perlu memberi tumpuan untuk meningkatkan perapatan, pengawasan dan komunikasi antara ibu bapa dengan anak. Adalah dicadangkan agar kajian akan datang meneliti aspek hubungan ibu-anak dan bapa-anak di kalangan pra-remaja dan remaja akhir, serta membandingkan responden berdasarkan angkubah seperti jantina, jenis sekolah, lokasi tempat tinggal, etnik dan struktur keluarga.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE QUALITY OF PARENT-CHILD RELATIONSHIPS AMONG  
DELINQUENT FEMALE ADOLESCENTS IN KUALA LUMPUR**

By

**JULIANA ROSMIDAH BINTI JAAFAR**

**December 2005**

**Chairman : Maznah binti Baba, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

The main objective of this study is to explore the quality of parent-child relationships among delinquent female adolescent (DFA) school students. Specifically, the study compared DFAs' perceptions of father-daughter and mother-daughter relationships on three parent-child relationship variables, namely: (1) parent-child attachment; (2) parent-child supervision; and (3) parent-child communication. Each variable was studied separately for mothers and fathers. This study also examined the relationship between respondents' selected background characteristics (number of siblings, parents, education level and monthly family income) with delinquency scores. Significant predictor variables were also identified. Seven null hypotheses were tested.

Respondents were 94 Form One DFA school girls from five Keramat District secondary schools in Kuala Lumpur. The DFAs were selected based on school discipline records and through referrals by school counselors. Parent-child attachment was measured using the *Inventory of Parent and Peer Attachment*

(Armsden and Greenberg, 1987). Parental supervision was measured using a modified version of the *Strictness / Supervision Scale* by Dutra and Chance (1997). Parent-child communication was measured using a combination of items from the *Self-Report Instrument* (Beavers, Hampson and Hulgus, 1985) and *Parent-Child Relationship Survey* (Fine, Moreland and Schwedel, 1983). Respondents level of involvement in delinquent acts were scored using a delinquency scale developed by Rozumah, Abdullah Al-Hadi, Rumaya, Asnarulkhadi, Amna, Mansor and Tan (2003).

Descriptive analyses show that DFAs have average academic achievement. Their parents' level of education was also average. Only 4.3% had university level education. Majority (97.9%) of the fathers and half of the mothers are working. Most families (38.3%) have family income above RM2000 per month while only 7.4% have incomes equal to or less than RM500.

The level of delinquent acts scores were low but presented a worrying trend. Results revealed that DFAs were involved in a variety of delinquent acts within and outside the school compound such as smoking, carrying weapons to school, drunken behavior in public, obscene behavior, and gangsterism.

Results revealed significant differences between DFAs perceptions of father-child and mother-child relationship on all three variables, namely: (i) mother-child attachment (mean score=75.55) and father-child attachment (mean score= 73.08 ),  $t=2.62$ ,  $p\leq 0.01$ ; (ii) mother-child supervision (mean score= 35.37) and father-child supervision (mean score=33.38) ,  $t=4.88$ ,  $p\leq 0.001$ ; and (iii) mother-child communication (mean score= 29.98) and father-child

communication (mean score=27.37),  $t=4.69$ ,  $p\leq 0.001$ . DFAs perceived that the quality of their mother-child relationship were better than their father-child relationship in terms of respect, trust, readiness to share problems, supervision of activities inside and outside their homes, confidence in communication to solve problems as well as openness in communication. Results also show that only family income had a significant and negative correlation with delinquency scores,  $r = -.36$ ,  $p\leq 0.05$ , while only mother-child communication was found to be a significant predictor variable contributing 16.6% to the variance.

Results indicate that the three parent-child relationship variables studied are influential in preventing early adolescent girls from involvement in delinquency. Hence, female delinquency prevention programmes need to focus on improving parent-child relationships. Future research should examine parent-child relationships among pre-adolescents and later adolescents, as well as compare respondents on variables such as gender, school type, rural-urban locations, ethnicity, and family structure.

## PENGHARGAAN

### Bismillahirahmanirrahim

Dalam kesempatan ini, saya ingin memanjatkan seluruh kesyukuran kepada tuhan semesta alam, Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya yang menganugerahkan iman, kesabaran, masa, kesungguhan dan pelbagai rahmat-Nya di sepanjang kedewasaan saya dalam usaha menghasilkan tesis yang bertajuk '**Kualiti Hubungan Ibu Bapa dan Anak Remaja Perempuan Salah Laku di Kuala Lumpur**' ini.

Terlebih dahulu penghargaan terima kasih ini saya tujukan kepada Penyelia Tesis saya, Dr. Maznah binti Baba yang banyak turut sama membantu dalam penghasilan tesis, memberi dorongan, tunjuk ajar serta tidak lokek memperuntukkan masa berbincang, menyemak dan menilai hasil kerja ini. Tidak lupa juga kepada ahli komiti tesis yang lain; Puan Siti Nor binti Yaacob dan Dr. Mohammad Shatar bin Sabran atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Jariah yang sentiasa ‘membuka pintu’ mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi melalui idea-idea bernas beliau.

Buat ahli keluarga yang dikasihi; mak dan abah. Terima kasih yang tidak terhingga atas rantaian doa-doa kejayaan yang tidak pernah putus. Kepada adinda; Nana dan Juju, semoga usaha ini menjadi pendorong dan pembakar semangat untuk kita sama-sama menimba ilmu ke aras yang lebih tinggi.

Dengan penuh hormat dan sayang, ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada suami, Ramlan bin Bujang (Abang Am) yang sentiasa bersedia

meluangkan masa membantu mencari bahan-bahan rujukan, menemani dan berkongsi suka duka sepanjang tempoh perkenalan, bermula semenjak di peringkat sarjana muda hingga ke saat ini.

Tidak lupa juga kepada Has, Suzie, Maziah, Maza, Lin, Asharil, Sham, Kak Azimah, Kak Aja serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi kata-kata penguat semangat. Sememangnya dalam usaha menimba ilmu, banyak halangan dan dugaan yang datang untuk menggagalkan kita, namun pengalaman dan nikmat kejayaan kelak adalah begitu manis dan berharga untuk dirasai lebih daripada apa yang kita jangkakan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat samada individu, organisasi, badan-badan kerajaan mahupun pihak sekolah saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tak terhingga. Hanya tuhan sahaja yang dapat membala jasa kalian.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Juliana Rosmidah binti Jaafar telah mengadakan peperiksaan akhir pada 19 Disember 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Kualiti Hubungan Ibu Bapa dan Anak Remaja Perempuan Salah Laku di Kuala Lumpur" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

**Ma'arof bin Ridzuan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Rumaya binti Juhari, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Mariani binti Mansor, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Tajuddin bin Hj.Ninggal, PhD**

Profesor  
Pusat Kaunseling dan Kerjaya  
Universiti Teknologi Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZAKARIAH ABDUL RASHID, PhD**

Professor / Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Maznah binti Baba, PhD**  
Pensyarah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohammad Shatar bin Sabran, PhD**  
Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Siti Nor binti Yaacob, Msc**  
Pensyarah  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**  
Profesor / Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

---

**JULIANA ROSMIDAH BINTI JAAFAR**

Tarikh:

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	ix
<b>PENGESAHAN</b>	xi
<b>PERAKUAN</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii

## BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	8
1.3 Kepentingan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	12
1.4.1 Objektif Am	12
1.4.2 Objektif Khusus	12
1.5 Hipotesis Kajian	13
1.6 Kerangka Teoritikal Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.8 Definisi Istilah	18
1.8.1 Kualiti Hubungan Ibu Bapa dan Anak	18
1.8.1.1 Perapatan Ibu Bapa dan Anak	19
1.8.1.2 Aspek Pengawasan Ibu Bapa dan Anak	20
1.8.1.3 Aspek Komunikasi Ibu Bapa dan Anak	21
1.8.2 Remaja	22
1.8.3 Salah laku	23
1.9 Limitasi Kajian	24
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Definisi dan Tren Salah laku Remaja	26
2.2 Faktor-faktor Berkaitan dengan Salah Laku Remaja	34
2.2.1 Faktor Remaja	35
2.2.2 Faktor Keluarga	40
2.2.3 Faktor Rakan	45
2.3 Hubungan Ibu Bapa dan Anak dengan Salah Laku Remaja	48
2.3.1 Aspek Perapatan Ibu Bapa dan Anak	49
2.3.2 Aspek Pengawasan Ibu Bapa dan Anak	57
2.3.3 Aspek Komunikasi Ibu Bapa dan Anak	63
2.4 Kesimpulan	70

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Rekabentuk Kajian	72
3.2	Lokasi Kajian	72
3.3	Pemilihan Sampel Remaja SL	73
3.3.1	Pemilihan Sampel Kajian	74
3.4	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.5	Instrumentasi Kajian	75
3.5.1	Prosedur Terjemahan Instrumentasi Kajian	76
3.6	Pengukuran Angkubah	77
3.6.1	Perapatan Ibu Bapa dan Anak	77
3.6.2	Pengawasan Ibu Bapa dan Anak	80
3.6.3	Komunikasi Ibu Bapa dan Anak	82
3.6.4	Salah Laku Remaja	84
3.6.5	Nilai Kebolehpercayaan Angkubah Kajian	87
3.7	Penganalisisan Data	88
3.8	Analisis Tinjauan Data (EDA)	89
3.9	Rumusan Analisis Tinjauan Data (EDA)	93
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	95
4.2	Demografi Keluarga Remaja SL	96
4.2.1	Pencapaian Akademik Remaja SL	97
4.2.2	Maklumat Bilangan Adik-Beradik Responden	99
4.2.3	Maklumat Latarbelakang Ibu dan Bapa Responden	100
4.2.4	Maklumat Pendapatan Bulanan Keluarga Responden	101
4.2.5	Rumusan Perihalan Demografi Latarbelakang Keluarga Responden	102
4.3	Perihalan Penglibatan Remaja SL Dalam Aktiviti Salah Laku	103
4.3.1	Tahap Salak Laku Remaja Perempuan SL	103
4.3.2	Peratusan Penglibatan Remaja SL Dalam Salah Laku	104
4.3.2.1	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Jenayah	106
4.3.2.2	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Tidak Pentingkan Masa	106
4.3.2.3	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Lucah	107
4.3.2.4	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Kurang Sopan	107
4.3.2.5	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Laku Musnah	108
4.3.2.6	Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Tidak Jujur	108

	4.3.2.7 Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Ponteng	109
	4.3.2.8 Penglibatan Remaja SL Dalam Kategori SL Lain-lain	109
	4.3.3 Rumusan Penglibatan Salah Laku Remaja SL	110
4.4	Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Ibu Bapa dan Anak	113
	4.4.1 Tahap Aspek Perapatan Ibu-Anak dan Bapa-Anak	113
	4.4.2 Tahap Aspek Pengawasan Ibu-Anak dan Bapa-Anak	114
	4.4.3 Tahap Aspek Komunikasi Ibu-Anak dan Bapa-Anak	116
	4.4.4 Rumusan Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Ibu Bapa dan Anak	117
4.5	Hasil Ujian-t Terhadap Perbezaan Min Skor Perapatan, Pengawasan dan Komunikasi Ibu-Anak dan Bapa-Anak	117
	4.5.1 Pengujian Hipotesis $H_01 - H_03$	118
4.6	Hasil Korelasi Pearson Terhadap Perkaitan Antara Faktor Latarbelakang Terpilih dengan Salah Laku Remaja Perempuan SL.	124
	4.6.1 Pengujian Hipotesis $H_04 - H_07$	124
4.7	Hasil Analisis Regresi Berganda bagi Mengenalpasti Pembolehubah Bebas yang Merupakan Peramal Unik kepada Salah Laku Remaja Perempuan	126
4.8	Rumusan Hasil Kajian	129
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
5.1	Rumusan Kajian	130
5.2	Kesimpulan Kajian	140
5.3	Implikasi Kajian	143
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	150
<b>BIBLIOGRAFI</b>		153
<b>LAMPIRAN</b>		163
<b>BIODATA PENULIS</b>		164